

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 21 April, 2019 8:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PPA CAS Anjur Sesi 'Pitching' Program Berimpak Tinggi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2019 / 15 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: PPA CAS

PPA CAS ANJUR SESI 'PITCHING' PROGRAM BERIMPAK TINGGI



UUM ONLINE: Selari dengan hasrat universiti untuk melahirkan mahasiswa berkemahiran holistik, PPA CAS telah mengambil usaha untuk menggalakkan persatuan pelajar menganjurkan program yang mempunyai impak tinggi.

Konsep impak tinggi dalam aktiviti pembangunan pelajar ini telah diterjemahkan sebagai sesuatu aktiviti dilakukan oleh pelajar dan impaknya haruslah berjaya meningkatkan sekurang-kurangnya satu daripada tiga komponen iaitu meningkatkan keperibadian pelajar (kemahiran insaniah, akhlak/moral, jati diri kebangsaan, kebolehpasaran), meningkatkan imej universiti, dan meningkatkan aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (kampus/dalam/luar negara).

Sebanyak 13 persatuan telah mengambil bahagian dengan mengetengahkan idea projek yang merangkumi pelbagai segmen masyarakat seperti Orang Kurang Upaya (OKU), guru-guru sekolah, mahasiswa universiti dalam dan luar negara, pelajar sekolah dan komuniti setempat.

Kepelbagaian aktiviti yang dirancang juga menggambarkan kekuatan program-program akademik yang ada di bawah Kolej Sastera dan Sains.

Sebagai contoh, Persatuan Pelajar Sains Quantitative (QUSAC) menampilkan program Asia Mathematic Competition (AMC), Persatuan Pelajar Teknologi Maklumat (i-TECH) dengan International Hackathon, Institute Public Relations Malaysia Student Association (IPRMSA) dengan program tahunan ASEAN University Conference on Public Relations and Communication (APRC) serta Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) dengan ASEAN University Youth Summit (AUYS).

Kesemua program yang dicadangkan memenuhi sekurang-kurangnya satu komponen impak tinggi yang telah ditetapkan. Sesi 'pitching' kali ini telah menjemput Prof. Madya Dr. Mazida Ahmad, Azahar Kasim dan Dr. Rajwani Md Zin sebagai panel juri.

Para juri berpuashati dengan kualiti program yang dirancang, tetapi hanya program yang benar-benar menarik dan memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja akan dipilih untuk pusingan seterusnya di peringkat HEP.

Melalui sesi 'pitching' ini, PPA CAS telah berjaya mencungkil idea-idea baharu yang mampu meletakkan projek persatuan pelajar UUM di tahap yang lebih tinggi.

Majoriti peserta melihat aktiviti persatuan sebagai satu platform terbaik bagi mereka untuk mengasah bakat kepimpinan, pengurusan dan peluang kerjasama antarabangsa yang boleh memberi nilai tambah di samping kecemerlangan akademik yang mereka ada.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.